



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 JANUARI 2022 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

28 JANUARI 2022 (JUMAAT)

HARI : JUMAAT
TARIKH : 28/1/2022
M/SURAT : 1



Menteri arah penternak hantar bekalan telur segera

Oleh RIDZAUDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengarahkan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) untuk menyegerakan penghantaran bekalan telur bagi mengatasasi isu kekurangan bahan mentah itu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, arahan itu dikeluarkan pihaknya selepas mengadakan sesi libat urus bersama FLFAM di Putrajaya semalam.

"Menerusi sesi libat urus itu, pelbagai isu telah kami bincangkan termasuklah isu kekurangan bekalan telur yang dialami di seluruh negara ketika ini.

"Jadi, bagi mengatasi masalah kekurangan itu, FLFAM telah diarahkan untuk segerakan penghantaran stok telur di seluruh negara sekali gus menjamin semula bekalan bahan mentah itu," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

FLFAM turut memberi jaminan menghantar bekalan telur ayam secara serta-merta ke seluruh negara mulai semalam.

"KPDNHEP sentiasa mengambil ambil maklum laporan akbar dan media sosial berhubung isu kekurangan telur ayam yang meningkat di pasaran semenjak pembukaan sektor ekonomi pada 22 September 2021.

"Kami menerima beberapa aduan berkaitan isu kekurangan



PENIAGA menyusun bekalan telur ayam yang semakin menyusut di kedainya di Pasar Chow Kit, kelmarin.



ALEXANDER

telur ayam terutamanya di peringkat runcit serta sedang berusaha memastikan bekalan mencukupi," jelasnya.



LAPORAN Kosmo! 26 Januari 2022.

Dalam pada itu, KPDNHEP turut melaksanakan penguasaan Ops Pasar (Telur Ayam) sejak 2 Ogos tahun lalu selain melaksanakan beberapa inisiatif antaranya melakukan kajian rantauan bekalan telur ayam secara komprehensif.

"Kementerian juga mengadakan perbincangan dengan industri telur selain menjalankan pemeriksaan secara berkala di peringkat penternak, pemborong dan peruncit.

"Sebanyak 2,711 peruncit dan 1,039 pemborong yang dipantau keberadaan bekalan secara harian oleh KPDNHEP serta membuat pemantauan bekalan telur ayam secara berkala ke atas 50 syarikat pengeluar telur ayam yang mewakili 101 ladang bermula awal Mei 2020," ujarnya.

Buat masa ini, anggaran pengeluaran telur ayam di pasaran pada bulan Januari 2022 ialah sebanyak 839 juta biji sebulan.

Perubahan cuaca punca penghasilan, pengeluaran telur ayam kurang

Shah Alam: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengenal pasti keadaan cuaca tidak menentu antara faktor kurangnya penghasilan dan pengeluaran telur ayam dalam negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata faktor berkenaan bukan saja mempengaruhi pengeluaran sektor pertanian, malah haiwan ternakan dan perikanan.

Beliau berkata, banjir serta peningkatan harga bekalan makanan ayam diimport dari luar negara turut mempengaruhi kekurangan pengeluaran telur.

"Telur ikut trend, terutama bulan ini (Januari) hasilnya kurang tapi bulan depan (Februari) akan meningkat balik kerana perkara ini (pengeluaran telur ayam) bermusim.

"Kenaikan (harga) juga berdasarkan pesanan dan bekalan. Begitu juga banjir serta pekerja terjejas kerana COVID-19, sebab kalau tiada pekerja lagi sukar hendak keluarkan makanan, ayam, telur.

"Bekalan makanan (ayam), bahan mentah kita import, memang harga cukup meningkat,"



Ahmad (tiga dari kanan) diiringi Pengerusi Jemaah Pengaroh Pertubuhan Peladang Negeri Selangor, Datuk Abd Rahman Bakri (kanan) menyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PPN Selangor Kali Ke 44, di Shah Alam, kelmarin. (Foto Faiz Anuar/BH)

katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor Kali Ke 44, di sini kelmarin.

Diminta mengulas laporan media berhubung isu terbabit, beliau tidak menafikan wujud

kawalan harga barang terbabit dari pihak peruncit.

Katanya, kementeriannya bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengawal aktiviti berkenaan bagi memastikan harganya tidak tinggi.

BEKALAN TELUR MENYUSUT

'Cuaca tak menentu jejas pengeluaran'

Shah Alam: Keadilan cuaca yang tidak menentu antara punca kurangnya penghasilan dan pengeluaran telur ayam dalam negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata faktor berkenaan bukan hanya mempengaruhi hasil keluaran sektor pertanian malah menjasaskan bekalan haiwan ternakan dan perikanan.

Selain itu, faktor yang mempengaruhi pengeluaran telur berkurangan susulan kejadian banjir luar jangka baru-baru ini di samping peningkatan kos harga bekalan makanan ternakan yang diimport.

"Kalau ikut trend pengeluaran (telur ayam) kita (sebelum ini), Januari bekalan kurang, tapi menjelang Februari bekalan akan meningkat balik kerana perkara ini bermusim," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor ke-44 di sini, malam kelmarin.

Ahmad berkata, kementerian tidak menyangkal dakwaan wujudnya kawalan harga telur ayam di



Januari bekalan kurang, tapi menjelang Februari bekalan akan meningkat balik kerana perkara ini bermusim"

Ahmad Hamzah

pihak peruncit.

"Kita (kementerian) dapat ada kebenaran berhubung kawalan harga (di pihak peruncit). Orang sentiasa berikan perhatian pada pengeluar. Kita perlu memahami harga dan kos pengeluaran.

"Jadi di situ kita akan berikan perhatian melalui kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana kita membekalkan dan kementerian itu memastikan harga (tidak tinggi)," katanya.

Ahmad mengulas laporan akbar tempatan semalam berhubung bekalan telur ayam pelbagai gred di seluruh negara didakwa bukan sahaja semakin kurangan, malah kebanyakan pasar raya serta kedai runcit berdepan masalah kehabisan stok.



KEMENTERIAN tidak menyangkal dakwaan kewujudan kawalan harga telur ayam di pihak peruncit.

Wet and sunny sides messing up egg production

SHAH ALAM: The unpredictable weather is among the factors that have contributed to the shortage of chicken eggs, says Datuk Seri Ahmad Hamzah.

The Deputy Agriculture and Food Industries Minister said the weather had also affected crops, as well as

fish and livestock production.

Ahmad said other contributing factors were the recent floods and the increase in the price of imported chicken feed.

"If we look at the chicken egg production trend (in previous years), January will see a reduction

in egg production but it will increase in February," he said after opening the Selangor Farmers' Association 44th annual general meeting here on Wednesday night.

He was commenting on a report over the shortage of chicken eggs in the country.

Ahmad, however, did not deny that there were also retailers who were found to have controlled and increased the price of chicken eggs.

"We will work with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to monitor the situation," he said. — Bernama

Minyak masak peket dibolot peniaga tempatan, warga asing hingga habis stok

Hapuskan subsidi

Oleh ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN
utusan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan tidak harus takut untuk menghapuskan subsidi minyak peket sebaliknya mencari alternatif bagi membantu kumpulan B40 yang tidak lagi boleh menikmati bantuan tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Urusan

Mydin Holdings, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, ini kerana pemberian subsidi minyak peket tersebut bukan sahaja 'dinikmati' oleh peniaga tempatan dan peniaga warga asing tetapi juga orang kaya.

Menurut beliau, perkara tersebut sudah lama berlaku tetapi sejak kebelakangan ini ia menjadi-jadi sehingga menyusahkan kumpulan B40 untuk membeli barang tersebut.

"Kita anggap subsidi itu sebagai bantuan, memang ia bantuan tetapi tidak fokus untuk membantu golongan yang layak menerimanya. Pemilik-pemilik restoran, peniaga serta mana-mana individu bukan warganegara yang lebih berkecimpuan juga membeli minyak peket itu.

"Lebih parah apabila peniaga atau orang berkemampuan beli, mereka bukan beli untuk

satu peket tetapi berkotak-kotak, jadi memang susahkan kumpulan B40," kata beliau.

Susulan itu, Ameer berkata, daripada kerajaan terus menanggung subsidi tetapi tidak sampai kepada golongan sasar, lebih baik subsidi tersebut dipertimbang untuk dihapuskan.

Bersambung di muka 2



SUSULAN masalah bekalan minyak masak bersubsidi didakwa dibolet kumpulan peniaga besar warga tempatan dan warga asing, kerajaan disaran menghapuskan subsidi barang tersebut. - GAMBAR HIASAN

Hapuskan subsidi

Dari muka 1

"Kerajaan disaran menyediakan alternatif membantu kumpulan B40 dan antaranya meningkatkan nilai Bantuan Keluarga Malaysia," jelasnya.

Jelas beliau, dalam isu minyak peket ini, penguat kuasa dan peniaga runcit sendiri dilihat sukar menyekat pembelian minyak oleh kumpulan bukan B40.

"Contoh bagi peniaga, macam mana mahu tahu mereka itu warga tempatan atau warga asing, penguat kuasa pula susah kerana minyak peket bahan asas dan diperlukan oleh semua golongan," kata beliau.

Difahamkan, setiap bulan kerajaan mengkekalkan kuota minyak masak bersubsidi sebanyak 60,000 tan metrik atau 60 juta peket 1 kilogram untuk kegunaan kumpulan yang layak.

Di MELAKA, taktik pembelian berganda menggunakan ahli keluarga menjadi punca bekalan minyak masak peket di kebanyakan kedai runcit di negeri itu 'licin' sebelum sempat ditambah semula peniaga.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Norema Jaafar berkata, siasatan penguat kuasa di kedai runcit mendapati, kekurangan itu bukan berpunca di peringkat peruncit, sebaliknya pengguna sendiri.

Di PAHANG, ketiadaan minyak masak peket menjelaskan peniaga makanan kecil-kecilan di pekan sekitar Jerantut.

Peniaga ayam gunting, Nurul Azmera Baharum, 27, berkata, empat hari lalu, dia terpaksa mengeluarkan modal lebih untuk membeli minyak masak botol.

Katanya, minyak masak botol dua kali ganda lebih mahal berbanding minyak peket dan sebagai peniaga ayam gunting, dia memerlukan kira-kira 15 kilogram minyak sehari.

Di PERLIS, kekurangan minyak masak peket semakin kritisikal sejak tahun lalu sekali gus menyusahkan pengguna serta peniaga.

Ramai bosan dan putus asa apabila masalah sama terus berulang tanpa penyelesaian.

Seorang peniaga kedai runcit, Zawiyah Man, 66, berkata, masalah bekalan minyak masak ini sama sahaja pada setiap bulan iaitu tiada bekalan pada minggu keempat.

Katanya, situasi tidak berubah walaupun sudah banyak kali didekahkan media tetapi tiada sebarang tindakan dilakukan pihak bertanggungjawab.

Minyak peket tukar jadi minyak sembahyang

PORT DICKSON — Kegiatan sebuah premis di Bukit Pelandok, di sini yang disyaki menyeleweng minyak masak bersubsidi untuk memproses minyak sembahyang diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam.

Pengarah KPDNHEP Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, serbuan dilakukan pada pukul 12.05 tengah hari basil maklumat dan risikan melibatkan pihak Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan dan KPDNHEP Negeri Sembilan.

"Semasa pemeriksaan dibuat, pasukan serbuan menerima seorang lelaki tempatan berusia 65 tahun yang bertanggungjawab terhadap premis itu dan dia telah ditahan untuk membantu siasatan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati terdapat 159 kotak mengandungi minyak masak peket satu kilogram (kg)

dengan jumlah keseluruhan seberat 2,703kg yang dianggarkan bernilai RM6,757," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, minyak masak peket tersebut dipercayai dijadikan sebagai bahan asas di dalam proses penghasilan minyak sembahyang dengan dicampur bahan-bahan lain.

"Siasatan awal yang dijalankan mendapat suspek telah menjalankan kegiatan di premis itu sejak setahun lalu.

"Premis itu menggunakan minyak masak bersubsidi sebagai bahan asas untuk menghasilkan minyak sembahyang kerana harganya lebih murah berbanding harga minyak masak industri demi mengaut keuntungan," katanya.

Tambah beliau, KPDNHEP Negeri Sembilan memandang serius terhadap penyeleweng minyak masak paket satu kilogram kerana sepatutnya dijual dan dipasarkan untuk kegunaan isi rumah.



AIN ARJUNA (dua dari kanan) menunjukkan minyak masak peket yang digunakan untuk memproses minyak sembahyang di Bukit Pelandok, Port Dickson semalam.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 28/1/2022
M/SURAT : 5

Premis seleweng minyak masak peket diserbu

Seremban: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak masak peket bersubsidi satu kilogram (kg) dalam serbuan di sebuah premis di Bukit Pelandok, Port Dickson, kelmarin.

Pengarahnya, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, minyak masak peket tersebut diperdayai digunakan sebagai bahan asas di dalam proses penghasilan minyak sem-

bah yang dengan dicampur bahan lain kerana harganya lebih murah berbanding minyak masak industri.

Beliau berkata bertindak hasil maklumat dan risikan, pihaknya bertindak menyerbu premis berkenaan jam 12.05 tengah hari dan menahan seorang lelaki tempatan berumur 65 tahun yang bertanggungjawab terhadap premis itu bagi membantu siasatan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati ada 159 kotak mengandungi minyak ma-

sak peket 1kg dengan jumlah keseluruhan 2,703kg minyak masak berada di dalam premis berkenaan. Semua barang berkenaan dengan anggaran nilai rampasan RM6,757.50 disita," katanya.

Ain Arjuna berkata suspek yang menjalankan kegiatan itu sejak setahun di lokasi sama melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3(i) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961. Jelasnya, siasatan lanjut akan dijalankan bagi men-

dapatkan maklumat mengenai pihak yang terlibat di dalam rantaian yang membelakangi minyak masak peket 1kg itu.

"Pengguna di negeri ini boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan penilaian yang didapati menjalankan sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan berjedual antaranya menerusi portal e-aduan.kpdnhep di alamat <https://eaduan.kpdnhep.gov.my> atau talian WhatsApp di 019-2794317," katanya.



AIN Arjuna (tengah) menunjukkan minyak peket yang dirampas di sebuah premis di Bukit Pelandok, Port Dickson, kelmarin.



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan sebahagian tong LPG yang dirampas di Banting pada Selasa lalu.

KPDNHEP rampas 402 tong LPG bernilai RM62,448

Sindiket seleweng gas memasak tumpas

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

KUALA LANGAT — Kegiatan satu sindiket menjalankan penyelewengan gas petroleum cair (LPG) bersubsidi di premis tanpa lesen runcit sah sejak dua tahun lalu tumpas selepas diserbu pihak berkuasa di sekitar Banting di sini Selasa lalu.

Serbuan kira-kira pulak 2 petang itu dijalankan sepasukan penguat kuasa daripada Unit Serbuan dan Taktikal (STAS) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

(KPDNHEP) Selangor.

Pengarah KPDNHEP negeri, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, operasi itu dilakukan hasil maklumat dan risikan awal piaknya mengenai kegiatan berkenaan sebelum ini.

Katanya, premis yang disyaki menjalankan pemindahan LPG dari tong subsidi seberat 14 kilogram (kg) ke dalam tong kegunaan industri 50kg.

"Ketika serbuan, seorang lelaki warga tempatan didapati berada di sekitar premis tersebut.

"Tindakan sitaan dibuat ke

atas 402 unit tong LPG seberat 50kg, 14kg dan 12kg serta barang lain yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM62,448," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas beliau, pemeriksaan awal mendapati premis itu memiliki lesen runcit yang sudah tamat tempoh sah pada 9 Januari 2020.

Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 antaranya disyaki memiliki barang kawalan dengan niat munasabah untuk melakukan kesalahan.

Dua lelaki ditahan ketika leka isi diesel subsidi RM6,000



LORI tangki yang digunakan dua suspek untuk menyelewengkan minyak diesel bersubsidi di Bukit Mertajam, Seberang Perai kelmarin.

SEBERANG PERAI — Tindakan dua lelaki warga tempatan mengisi diesel bersubsidi ke dalam tangki lori menggunakan dua nozel terbongkar selepas ditahan pihak penguatan kuasa di Jalan Bukit Tengah, Bukit Mertajam, di sini kelmarin.

Serbuan pada pukul 6.30 pagi itu dilakukan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang selepas menjalankan risikan sejak sebulan lalu susulan maklumat awam.

Pengarah KPDNHEP negeri,

Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, pemandu lori itu ditahan ketika leka mengisi diesel bersubsidi ke dalam tangki lori.

Kata bellau, siasatan lanjut terhadap resit pembelian kemudian mendapati lori tersebut telah membuat pengisian diesel bersubsidi bernilai RM6,582.85 dalam masa kira-kira 40 minit.

"Selain menahan pemandu lori bersama seorang lagi lelak tempatan, lima penguat kuasa yang bertugas turut menyita 2,800 liter diesel; sebuah lori serta dua unit telefon bimbit untuk

siasatan lanjut," katanya kepada pemberita semalam.

Ujarnya, nilai keseluruhan rampasan dan sitaan itu dianggarkan RM52,520 dan kes tersebut disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kita alu-alukan sebarang maklumat daripada orang awam berhubung sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi menerusi WhatsApp di talian **019-279 4317** atau hubungi bilik gerakan KPDNHEP Pulau Pinang di talian **04-384 0245**," tambahnya.

Bukit Mertajam

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang menggagalkan cubaan menyeleweng diesel bersubsidi setelah merampas 2,800 liter minyak diesel bernilai RM6,582.85 dalam serbuan di sebuah stesen minyak di Jalan Bukit Tengah di sini, kelmarin.

Pengaruhnya Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata pihaknya menjalankan risikan sejak sebulan lepas sebelum menyerbu stesen minyak itu pada 6.30 pagi susulan aduan daripada orang awam berkaitan aktiviti penyeleweng minyak diesel.

"Semasa serbuan dijalankan didapati sebuah lori tangki mengisi minyak diesel bersubsidi menggunakan dua nozel di pam stesen minyak itu dengan minyak diesel turut dipam masuk ke dalam tangki lori.

"Pemilik lori itu dipercaya mengubah suai bahagian tangki minyak dengan menyediakan satu mesin khas untuk mengepam minyak di bahagian tangki terus masing ke tangki supaya diesel bersubsidi tersebut boleh dibeli dalam kuantiti yang banyak," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, pemeriksaan pada resit belian mendapati lori membuat pengisian mi-



ANGGOTA KPDNHEP menggagalkan cubaan menyeleweng diesel bersubsidi selepas menyerbu sebuah stesen minyak di Jalan Bukit Tengah, Bukit Mertajam, kelmarin.

Pam khas 'sedut' diesel lebih laju

Pemilik lori cuba seleweng minyak bersubsidi guna tangki diubah suai dicekup KPDNHEP

nyak diesel bersubsidi RM6,582.85 dalam masa lebih kurang 40 minit sedangkan setiap lori selalunya hanya mampu mengisi 100 hingga 200 liter diesel sahaja.

Mohd Ridzuan berkata pemandu lori yang berusia 30-an berkenaan ditahan kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran daripada Pengawal Bekalan bagi membeli bar-

ngan bersubsidi.

"Selain menyalita 2,800 liter minyak diesel, kami turut merampas lori tangki dan dua telefon bimbit untuk siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Be-



LORI milik suspek dipercaya diubah suai di bahagian tangki minyak disita anggota KPDNHEP.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 28/1/2022
M/SURAT : 10

2,800 litres of diesel seized in raid on petrol station

BUKIT MERTAJAM: The Penang Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry foiled an attempt to misappropriate subsidised diesel by seizing 2,800 litres worth RM6,582.85 during a raid at a petrol station in Jalan Bukit Tengah here on Wednesday. Its director Mohd Ridzuan Ab Ghapar said the ministry's personnel had been gathering intelligence for the past month before raiding the petrol station at 6.30am. He said during the raid, it was found that a tanker was filling up diesel using two nozzles at the pump. "The owner of the tanker is believed to have modified the vehicle with a special machine to pump the diesel into the tanker directly." Ridzuan said the tanker driver, in his 30s, and a female employee at the petrol station were detained.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 28/1/2022
M/SURAT : 10

6 food items put under price control scheme

PUTRAJAYA: The Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) for Chinese New Year will be implemented from Jan 29 to Feb 4 involving six types of foodstuff, from seafood to dried food and pork, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Alexander Nanta Linggi.

On Wednesday, he said enforcement of the Chinese New Year 2022 SHMMP would begin three days before the festival.

The list of items included white pomfret weighing between 200g and 400g, white shrimp comprising between 41 and 60 pieces per kilogramme; garlic from China and ex-farm live pigs; pork belly and pork (lean and fatty meat), he said.

"The SHMMP is implemented as a measure to stabilise the price of goods and

ensure the availability of supply in the market during the Chinese New Year season," Nanta said, adding that demand for certain goods was expected to increase.

He said the Keluarga Malaysia Maximum Price Scheme (SHMKM), which included chicken, eggs and vegetables, was also in force from Jan 1 to Feb 4.

He said there was a total of 18 items controlled under SHMKM and SHMMP during the Chinese New Year season.

He said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry had collaborated with the Agriculture and Food Industries Ministry to ensure that there would be sufficient food supplies in the market, and it will be easier for the public to obtain their daily necessities for the festival.

Bernama

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 28/1/2022
M/SURAT : 1

Senarai Harga Barang Keperluan			
Ayam	RM7.99	Telur Gred A	RM11.90
Daging Lembu Tempatan	RM42.99	Ikan Kembung	RM13.99
Daging Lembu Import	RM28	Minyak Masak	RM6.38
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM2.79
Bawang Putih	RM5.50	Cili Merah	RM9.90
Kubis Bulat Tempatan	RM4.88	Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP